

# Khabar angin kesihatan PM sengaja disebar

UM 28 JAN 2000

Oleh MOHD. ASUKI ABAS

**K**UALA LUMPUR 27 Jan. — Khabar angin kononnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menghadapi masalah kesihatan sengaja disebar oleh pihak-pihak tertentu yang tidak senang melihat keadaan ekonomi dan negara yang stabil,

kata Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin.

“PM berada dalam keadaan yang baik, dia sedang menikmati percutiannya... Saya sering berhubung dengannya.

“Apa yang jadi masalah ialah ada orang yang tidak suka melihat keadaan ekonomi, pasaran saham dan keadaan negara yang semakin baik,” kata-

nya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Ke-35 Gabenor-Gabenor Bank Pusat Asia Tenggara di sini hari ini.

Khabar angin mengenai kesihatan Dr. Mahathir tersebar luas sehinggalah ia dipercayai menjadi sebab utama kejatuhan sebanyak 11.11 mata Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur semalam.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang berada di Sabah semalam turut mengesahkan bahawa Dr. Mahathir berada dalam keadaan sihat dan menyeru rakyat supaya tidak mempercayai khabar angin yang disebar itu.

Abdullah turut menyatakannya Perdana Menteri

akan pulang lebih awal daripada yang dijadualkan iaitu menjelang 1 Februari ini.

Menurut Daim, Perdana Menteri akan berlepas ke London, kemudiannya ke Paris pada 29 Januari sebelum kembali ke tanah air.

“Insya-Allah, dia akan memperkerusikan mesyuarat kabinet yang akan datang,” katanya lagi.